

# BAB KEDUA

## BAB KEDUA

### PENGANIAYAAN ISTERI MENURUT PANDANGAN ISLAM

#### Pendahuluan

Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap mempunyai pandangan tersendiri tentang keganasan dan penganiayaan, lebih-lebih lagi terhadap golongan wanita yang diberi kedudukan mulia oleh Islam.

Kebenaran memukul isteri yang terdapat di dalam al-Quran pula bukanlah bermaksud menganiaya wanita tetapi sebagai satu bentuk pendidikan setelah beberapa usaha lain tidak berkesan. Bentuk pukulan yang dibenarkan tidak bertujuan menganiaya isteri. Malah, para isteri diberi pembelaan di bawah undang-undang jenayah Islam yang memperuntukkan mereka boleh membuat tuntutan dan pendakwaan terhadap suami, jika dipukul dan dianiaya.

#### 2.1 Tafsiran Penganiayaan Menurut al-Quran dan al-Sunnah

Pada asasnya, Islam menentang apa juga bentuk penganiayaan. Di dalam al-Quran sendiri, terdapat beberapa perkataan yang mempunyai maksud keganasan. Antaranya seperti *azā*, *ḍarar* dan *fasād* yang kesemuanya membawa maksud kesakitan, penyeksaan dan kerosakan.

Contohnya firman Allah:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا

Terjemahan: “dan janganlah kamu berbuat kerusakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya.”

Surah al-A'raf (7):56

Ibnu al-Qayyim berpendapat, maksud *fasād fi al-arḍ* dalam ayat di atas pada hakikatnya ialah syirik kepada Allah dan tidak mematuhi perintah-Nya<sup>1</sup>. Antara perintah Allah ialah berbuat baik kepada isteri. Maka, tidak berbuat baik kepada isteri atau menganiayanya adalah perbuatan tidak mematuhi perintah Allah.

Al-Quran dengan jelas menganjurkan agar kehidupan dalam keluarga mempuntai sifat-sifat menghormati, kasih sayang, toleransi, perbincangan dan seumpamanya.

Sabda Rasulullah:

«مَنْ لَا يَرْحَمِ النَّاسَ لَا يَرْحَمُهُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ»

Terjemahan: “Sesiapa yang tidak berkasih sayang sesama manusia, dia tidak akan disayangi oleh Allah Azzawajalla.”<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Muhammad Hamīd al-Fiqī (ed.) (1984), *Tafsīr al-Qayyim lī al-Imām Ibnu al-Qayyim*. Beirut: Lajnah al-Turāth al-'Arabi, h. 225.

<sup>2</sup> Al-Imām Mahyuddin al-Nawawī (1998), *Ṣaḥīḥ Muslim*, j.15, c.5. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 76. Kitab al-Fadāil, no. hadith: 5984.

Manakala perkahwinan dan kehidupan berumahtangga adalah satu ikatan yang direndhai oleh Allah dan telah dijanjikan dengan ketenangan.

Firman Allah:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا  
وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً

Terjemahan: “dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya bahawa Dia menciptakan untuk kamu (lelaki) isteri-isteri dari jenis kamu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikan antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan.”

Surah Al-Rum (30): 21

Maksud ayat ini menurut Ibnu Kathir ialah Allah menjadikan pasangan kepada manusia dari kalangan manusia juga kerana kalau pasangan manusia bukan dari kalangan manusia sudah tentu sukar wujud rasa kasih sayang antara mereka, bahkan akan menimbulkan rasa tidak tenteram. Oleh itu, untuk menyempurnakan lagi rahmatnya, Allah menjadikan pasangan daripada jenis yang sama dan mewujudkan rasa kasih sayang dan belas kasihan antara mereka<sup>3</sup>.

Nyata sekali daripada ayat tadi bahawa di antara matlamat Allah mensyariatkan perkahwinan adalah supaya masing-masing senang hati dan berkasih sayang, bukannya menyakiti dan memudaratkan.

Firman Allah lagi:

وَلَا تُسْكِرْهُمْ ضِرَارًا لِّلْعَدُوِّ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ

Terjemahan: "...dan janganlah kamu pegang mereka (isteri-isteri) dengan tujuan mendatangkan kemudaratkan kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka). Dan sesiapa yang bertindak demikian bererti ia menganiayai diri sendiri."

Surah Al-Baqarah (1): 23

Al-Tabari<sup>4</sup> dan Ibnu Kathir<sup>5</sup> dalam tafsir mereka, sama-sama menjelaskan maksud "pegang dengan tujuan memudaratkan" dalam ayat di atas ialah rujuk semula dengan bekas isteri dalam tempoh iddah dengan niat menyeksa isteri iaitu untuk memanjangkan tempoh iddahnya. Seterusnya al-Tabari menambah satu perkara lagi yang juga dikira perkara memudaratkan iaitu rujuk setelah bercerai kerana mahu mengambil semula apa-apa barang yang telah diberikan kepada isteri<sup>6</sup>.

---

<sup>3</sup> Ismā'il Ibnu Kathīr (1969), *Tafsīr al-Qurān al-'Azīm*, j.3. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 429.

<sup>4</sup> Abū Ja'far Muhammad Ibnu Jarīr al-Ṭabarī (t.t.), *Tafsīr al-Ṭabarī*, j.5. Misr: Dār al-Ma'arif, h. 7-8.

<sup>5</sup> op.cit., j.3. h. 281.

<sup>6</sup> op.cit., h. 7-8.

Manakala Ibnu 'Arabi pula menyatakan bila suami terus "memegang" isteri sedangkan dia tidak mampu memberi belanja, maka itu adalah perkara memudaratkan yang dimaksudkan dalam ayat tadi<sup>7</sup>.

Sabda Rasulullah s.a.w. pula:

لَا يَجِدُ أَحَدَكُمْ بِأَمْرٍ أَنَّهُ جَلَدَ الْعَبْدَ ثُمَّ يَجْمَعُهَا فِي آخِرِ النَّيْمِ

Terjemahan: "Janganlah kamu memukul isteri-isteri kamu seperti memukul hamba kemudian kamu bersetubuh pula dengannya pada malam hari itu."<sup>8</sup>

Daripada intisari al-Quran dan al-Hadith juga, para fuqaha' telah menggariskannya dalam bentuk hak, tanggungjawab dan peraturan bagi kehidupan suami isteri. Dalam lingkungan keluarga misalnya, terdapat hak suami, hak isteri, hak bersama suami isteri dan hak anak.

Firman Allah:

وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Terjemahan: "...dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara septutnya (dan tidak dilarang oleh syarak)."

Surah Al-Baqarah (2): 228

<sup>77</sup> Ibnu 'Arabi (1968), *Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Dār al-Yaqazah al-'Arabiyyah, h.200.

<sup>8</sup> Muhammad Ibnu Ismāil al-Bukhārī (1987), *Sahih Abi Abdillah al-Bukhārī*, j.20, c.3. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-Karmānī al-'Arabī, h. 187-188. Kitāb al-Ādāb, no. hadith: 4908.

Al-Jassās berpendapat bahawa ayat ini adalah arahan kepada para suami agar melayan isteri dengan baik (*ma'rūf*). Antara perkara *ma'rūf* ialah menunaikan semua hak isteri termasuk mahar, nafkah dan giliran, tidak menyakitinya dengan kata-kata kasar, tidak mengabaikannya, tidak menyukai selainnya dan tidak bermasam muka<sup>9</sup>.

Menurut Wahbah al-Zuhayli pula, maksud ayat ini ialah bahawa perempuan ada haknya ke atas lelaki sama seperti adanya kewajipan bagi lelaki ke atas perempuan. Asas pembahagian hak dan kewajipan ini ialah 'uruf dan fitrah semulajadi<sup>10</sup>.

Al-Zuhayli<sup>11</sup> juga menyatakan bahawa hak yang paling banyak ialah hak bersama suami isteri dan hak suami ke atas isteri adalah lebih besar daripada hak isteri ke atas suami berdasarkan firman Allah:

وَالرِّجَالُ عَلَى النِّسَاءِ دَرَجَةٌ

Terjemahan: "dan orang-orang lelaki (suami) mempunyai satu darjah kelebihan ke atas orang-orang perempuan (isterinya)."

Surah Al-Baqarah(2): 228.

Menurut Ibnu 'Arabi<sup>12</sup>, melalui ayat ini Allah memberitahu wanita bahawa lelaki mempunyai kelebihan mereka. Beliau juga menyatakan bahawa ayat ini

<sup>9</sup> Abu Bakr Aḥmad al-Jassās (1992), *Aḥkām al-Qurān*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 47.

<sup>10</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1984), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, j. 7. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 148.

<sup>11</sup> *ibid.*, h. 342.

<sup>12</sup> Ibnu 'Arabi (1968), *op. cit.*, h. 188-198.

bukan sekadar menjelaskan kelebihan lelaki berbanding wanita, malah ia melibatkan juga alam perkahwinan. Ibnu 'Arabi membahagikannya ke dalam tujuh bentuk, iaitu: kewajipan untuk taat, hak untuk berkhidmat, perlu mendapat keizinan untuk berurusan, mendahulukan taat kepada suami daripada taat kepada Allah dalam perkara-perkara sunat, memberi kepercayaan, menguruskan perbelanjaan dan menghormati suami.

Antara hak bersama yang menjadi tanggungjawab kedua-dua belah pihak suami dan isteri ialah pergaulan yang baik atau *husnu al-mu`āsyarah*. Syalabi menjelaskan maksud *husnu al-mu`āsyarah* ialah berusaha menyenangkan hati satu sama lain, menghormati pandangan, bertolak ansur, tolong menolong dan menjauhi perkara-perkara yang boleh membawa perselisihan<sup>13</sup>. *Husnu al-mu`āsyarah* boleh melahirkan suasana damai dan kasih sayang, seterusnya tidak timbul masalah penganiayaan isteri.

'Uqlah juga mempunyai pendapat yang sama dengan Syalabi dalam membahaskan hak bersama suami isteri. Beliau mengemukakan beberapa bentuk gambaran bagaimana seharusnya pergaulan yang baik antaranya menghormati pasangan, memaafkan kesalahan, berkongsi suka duka dan mengelakkan perkara yang menimbulkan kemarahan<sup>14</sup>.

---

<sup>13</sup>Muhammad Mustafā Syalabi (1977), *Ahkām al-Uṣrah fī al-Islām*. Beirut: Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, h. 327-328.

<sup>14</sup>Muhammad 'Uqlah (1990), *Nizām al-Uṣrah fī al-Islām*, j.2. Amman: Maktabah al-Risālah al-Hādithah, h. 18-19.

Walau apapun saranan mengenai cara *husnu al-mu`āsyarah*, pendapat yang diberi mempunyai matlamat yang sama iaitu membina rumahtangga yang harmoni. Perkara-perkara yang disarankan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa sebarang bentuk keganasan dan penganiayaan adalah berlawanan dengan anjuran al-Quran walaupun secara umumnya terdapat kebenaran kepada suami melakukan apa yang disukai terhadap isterinya<sup>15</sup>. Kegagalan memahami hak dan tanggungjawab suami isteri akan mendatangkan masalah termasuklah penganiayaan.

Selain daripada itu, penganiayaan dalam konteks suami isteri atau *darar* juga disebutkan dalam peraturan kekeluargaan Islam di bawah bab sebab-sebab yang membolehkan seseorang isteri memohon perceraian. Namun, para fuqaha' tidak mentakrifkan *darar* menurut syarak<sup>16</sup>. Menurut Dr. Abdul Karim Zaidan<sup>17</sup>, ini kerana fuqaha' membiarkan maksudnya diberi pengertian mengikut bahasa sahaja. Maksudnya pengertian yang difaham mengikut bahasa percakapan biasa.

Walau bagaimanapun, bagi Zaidan *darar* ialah apa-apa kesakitan berkenaan badan isteri atau maruahnyanya yang membawa kepada kebinasaan<sup>18</sup>. Bagi 'Uqlah pula, *darar* yang membolehkan isteri memohon perceraian ialah apabila suami berkelakuan buruk terhadap fizikal, emosi dan meletakkan isteri dalam

---

<sup>15</sup> Rujuk Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Baqarah (2): 223 yang bermaksud: "isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai."

<sup>16</sup> Abd al-Karim Zaidān (1994), *al-Mufasssal fi al-Ahkām al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim fi al-Syariah al-Islāmiyyah*, j.8, c.3. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 437.

<sup>17</sup> *ibid.*

<sup>18</sup> *ibid.*

keimbangan tentang keselamatannya<sup>19</sup>. Manakala al-Zalami menerangkannya (*darar*) sebagai perbalahan dan persengketaan suami isteri yang disertai perbuatan seperti pukul atau kata-kata seperti mencaci atau kedua-duanya sekali<sup>20</sup>.

Umumnya, para fuqaha' memperakui *darar* dalam perkahwinan dan hak isteri untuk mengadu kepada hakim mengenainya<sup>21</sup>. Namun, mereka berbeza pendapat tentang persoalan sama ada mahkamah boleh mempertimbangkan aduan isteri mengenai *darar* itu untuk menjadi sebab mengharuskan perceraian<sup>22</sup>.

Mazhab Hanafi, Syafie, Hanbali dan Syiah berpendapat perceraian secara terus<sup>23</sup> tidak dibolehkan dengan sebab *darar* dan layanan buruk<sup>24</sup>. Manakala mazhab Maliki membuka ruang dengan mengharuskan perceraian disebabkan perkara yang sama<sup>25</sup>.

Pendapat-pendapat yang tidak membolehkan perceraian terus dengan sebab *darar* memberikan hujah bahawa hakim masih boleh memilih alternatif lain untuk menyelamatkan perkahwinan itu, iaitu memerintahkan suami berkelakuan

---

<sup>19</sup> Muhammad 'Uqlah (1990), op.cit., j. 3, h.219.

<sup>20</sup> Mustafā Ibrāhīm al-Zalāmī, (1984), *Madā Sulṭān al-Ṭradāh fī Syarī'ah al-Samā' wa Qānūn al-Ard*, j.2. Baghdad: Matba'ah al-'Ānī, h.238.

<sup>21</sup> Muhammad 'Uqlah (1990), op.cit., j.3, h. 219-220.

<sup>22</sup> ibid., h. 219. Juga: Muhammad Nabil Sa'ad al-Syāzilī (1989), *Aḥkām al-Uṣrāh fī al-Fiqh al-Islāmī*. Kaerah: Dār al-Nahḍhah al-'Arabīyyah, h. 289-290 dan Mu'awwad 'Abd al-Tawwāb (1986), *Mawsū'ah al-Aḥwāl al-Syakhsīyyah*, c.3. Iskandariah: Mansya'ah al-Ma'ārif, h. 646.

<sup>23</sup> Maksudnya terus membenarkan perceraian setelah berlaku perbuatan menganiaya tanpa melalui peringkat-peringkat menasihati suami dan melantik hakam terlebih dahulu.

<sup>24</sup> Muhammad Abū Zahrah (1957), *al-Aḥwāl al-Syakhsīyyah*. Kaerah: Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 385.

baik dan berhenti menyakiti isteri. Jika tidak berjaya, dua wakil pendamai atau *hakam* boleh dilantik. Jika tidak berjaya juga, barulah perceraian dibenarkan<sup>26</sup>.

Imam Malik membenarkan perceraian dengan sebab *darar* kerana pada pendapatnya, kesakitan bukan sahaja mengenai isteri tetapi kesannya turut melibatkan anak-anak dan keluarga lain. Keadaan ini menyusahkan hidup isteri dan menafikan tujuan sebenar perkahwinan iaitu kasih sayang dan rahmah. Maka, perkara-perkara yang menyakitkan mesti dijauhkan dan ianya dapat dielakkan dengan memutuskan pertalian perkahwinan antara suami isteri berkenaan<sup>27</sup>.

Begitu juga dengan jenis-jenis penganiayaan antara ahli keluarga yang lain, seperti penganiayaan terhadap orang tua atau ibu bapa. Ajaran Islam jelas menekankan supaya menghormati kedua ibu bapa malah mewajibkannya.

Firman Allah:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

Terjemahan: “Tuhanmu memerintahkan supaya janganlah kamu sembah kecuali Dia dan berbuat baiklah kepada ibu bapa.”

Surah Al-Isra’ (17): 23

Dalam mentafsirkan ayat ini, Ibnu Kathir menyatakan bahawa Allah memerintahkan hamba-hambanya supaya tidak menyekutukan-Nya dan Allah

---

<sup>25</sup> *ibid.*

<sup>26</sup> Mustafā Ibrāhīm al-Zalāmī (1984), *op. cit.*, h. 241. Juga: Muhammad ‘Uqlah (1990) *op. cit.*, j.3, h. 220.

<sup>27</sup> Muhammad Abu Zahrah (1957), *op. cit.*, h.385. Juga: Muhammad ‘Uqlah (1990), *op. cit.*, h. 220.

mengaitkan perintah beribadat kepada-Nya dengan perintah berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Ini menunjukkan betapa besarnya Allah meletakkan kedudukan ibu bapa. Malah, perkara ini juga telah disepakati oleh para ulama' sekalipun terhadap ibu bapa yang berlainan agama<sup>28</sup>.

Ibu bapa juga mestilah dilayan dengan baik dan tidak boleh disakiti perasaannya sebagaimana firman Allah:

إِنَّمَا يَلْتَمِئْنَ عِنْدَكَ الْكِبْرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لِمَا أَيْ وَلَا تُنْهَرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Terjemahan: “Apabila salah seorang daripada mereka (ibu bapa) atau kedua-duanya telah tua, janganlah kamu mengatakan ‘ah’ dan jangan menyakiti mereka dan bercakaplah dengan mereka dengan kata-kata yang baik.

Surah Al-Isra' (17): 23

Maafum ayat ini menurut Ibnu Kathir ialah, tidak boleh memperdengarkan kepada kedua ibu bapa perkataan-perkataan buruk sekalipun ‘ah’ yang mana ianya adalah percakapan buruk yang paling rendah sifatnya. Lebih daripada itu, ayat ini melarang perbuatan menyakitkan atau kelakuan keji terhadap keduanya<sup>29</sup>.

Maksudnya, jika mengeluarkan kata-kata kasar pun dilarang, maka larangan itu lebih kuat lagi terhadap perbuatan keganasan yang menyentuh fizikal. Malahan, menyakiti ibu bapa merupakan dosa besar.

<sup>28</sup> Ahmad Isā 'Asyūr (t.t.), *Bir al-Wālidain*. Kaherah: Maktabah al-Qurān, h. 9.

<sup>29</sup> Ibnu Kathīr (1969), *Tafsīr al-Qurān al-'Azīm*, j.3. Beirut: Dār al-Ihyā' al-Turāth, h. 34.

Anak pula merupakan amanah daripada Allah kepada pasangan suami isteri yang sepatutnya dijaga dengan baik. Maka, amat tidak wajar jika mereka dianiaya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَ يَعْرِفْ شَرَفَ كَبِيرِنَا

Terjemahan: "Bukanlah daripada golongan kami orang yang tidak kasih kepada anak-anak dan tidak menghormati orang-orang tua."<sup>30</sup>

Hadith ini menegaskan bahawa Rasulullah memerintahkan umatnya menjaga anak-anak dengan kasih sayang dan menghormati orang tua.

Antara cara mendidik yang disarankan oleh Rasulullah s.a.w. juga, ialah sebagaimana sabda baginda:

مُرُوا الصَّبِيَّ بِالصَّلَاةِ إِذَا بَلَغَ سَبْعَ سِنِينَ ؛ وَإِذَا بَلَغَ عَشْرَ سِنِينَ  
فَأَضْرِبُوهُ عَلَيْهَا

Terjemahan: "Perintahkan anak-anakmu solat apabila umur mereka tujuh tahun dan apabila umur mereka sepuluh tahun, pukullah mereka kerana solat serta pisahkan tempat tidur antara anak lelaki dan anak perempuan."<sup>31</sup>

Melalui hadith ini, Rasulullah memerintahkan supaya anak-anak mula disuruh sembahyang pada umur tujuh tahun. Apabila umur mereka mencapai sepuluh tahun, ibu bapa dibenarkan memukul anak-anak untuk mendidik mereka

<sup>30</sup> Muhammad 'Isā Abū 'Isā al-Tarmīzī (t.t.), *Sunan al-Tarmīzī*, j.4. Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī, h. 322. Kitab al-Ādāb, no. hadith: 1920.

dengan sembahyang. Perintah ini menunjukkan perbuatan memukul anak dibenarkan dalam cara mendidik anak. Maksud pukul yang dibenarkan adalah sekadar untuk mendidik bukan menganiaya atau mencederakan.

Sama seperti perbincangan sebelum ini, Islam menentang sebarang sebarang perbuatan keganasan rumahtangga. Walaupun, dalam keadaan tertentu terdapat kebenaran untuk memukul anak dan isteri namun ianya hanya untuk tujuan mendidik dan tidak melampaui batas yang digariskan sehingga tergolong dalam kategori penganiayaan.

Kesimpulannya keganasan dan penganiayaan dalam rumahtangga adalah perkara yang agak serius dan dipandang berat oleh Islam. Buktinya dalam hal suami isteri, ia sampai kepada peringkat dibenarkan perceraian, sedangkan perceraian merupakan suatu perkara halal yang paling dibenci oleh Allah. Ini kerana penganiayaan yang berlaku akan menafikan objektif perkahwianan iaitu untuk mendapat kasih sayang dan ketenangan jiwa serta boleh merosakkan keluarga sebagai unit asas umat Islam sendiri.

---

<sup>31</sup> Abū Dāwūd Sulaymān al-Asy'ath (1988), *Sunan Abī Dāwūd*, j. 1. Kaherah: Dār al-Hādīthah, h. 130, Kitab al-Ṣolāh, hadis no. 494.

## 2.2 'Memukul Istri' Berdasarkan Ayat 34 Surah Al-Nisa'

Di dalam al-Quran ayat 34 Surah al-Nisa', Allah s.w.t. berfirman:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ  
فَأَلْصَقَ لِحْتُ قَنِينَتُ حَفِظَتْ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَاللَّي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ  
وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْتَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا\*

إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا

Terjemahan: "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya) dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolongan-Nya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih berdegil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarkannya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka."

Surah al-Nisa' (4): 34

Ayat ini menyentuh beberapa perkara yang saling berkaitan dengan perbincangan tentang suami isteri dan penganiayaan, iaitu:

1. Peranan lelaki dan kelebihan mereka ke atas wanita.
2. Sifat-sifat isteri yang soleh.
3. Isteri nusyuz dan bagaimana para suami perlu menanganinya.

4. Peringatan kepada suami agar tidak menganiaya isteri setelah mereka kembali taat.

Secara ringkas, permulaan ayat 34 Surah al-Nisa' ini menyatakan bahawa lelaki adalah pelindung dan pendidik terhadap wanita. Lelaki juga diberikan tanggungjawab yang lebih oleh Allah seperti menyediakan mahar, nafkah dan keperluan lain. Kemudian Allah secara jelas menceritakan sifat-sifat wanita soleh, iaitu pertama sekali mereka taat kepada suami dan kedua mereka menjaga kehormatan diri dan perkara-perkara lain yang wajib dipelihara, seperti harta suami ketika suami tiada bersama<sup>32</sup>.

Untuk perbincangan seterusnya, tumpuan akan diberikan kepada langkah-langkah mendidik isteri yang nusyuz terutamanya mengenai kebenaran suami memukul isteri. Menurut Ibnu Kathir, isteri nusyuz bererti isteri yang enggan taat kepada suami dan tidak mengambil berat hal suami<sup>33</sup>. Al-Tujaidi pula menyatakan ia memberi maksud menunjukkan kemarahan dan menentang suami<sup>34</sup>. Manakala al-Khatib membahagikan nusyuz kepada dua bentuk iaitu nusyuz perbuatan seperti menunjukkan penentangan dan bermasam muka sedangkan sebelumnya dia bersikap lemah lembut dan manis muka, dan nusyuz perkataan seperti menjawab suami dengan kata-kata kasar sedangkan biasanya dia bercakap dengan lembut<sup>35</sup>.

<sup>32</sup> Abū Yahyā Muhammad al-Tujaidī (1970), *Mukhtasār Min Tafsīr al-Imām al-Jabārī*, j.1. Kaerah: Maṭba'ah al-Thaqāfah, h. 108. Juga: Al-Sābūnī, op.cit., h. 467.

<sup>33</sup> Ibnu Kathīr (1969), op.cit., j.1, h. 492. Juga: Muhammad Rasyid Ridā (1984), *Tafsīr al-Manār*, j.3. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 72-73.

<sup>34</sup> Al-Tujaidī (1970), op.cit., h. 108.

<sup>35</sup> Muhammad al-Syarbīnī al-Khatīb (t.t.), *al-Iqnā'*, j.2. Mesir: Dār al-Fikr, h. 143.

Dari segi sejarah penurunan ayat, ayat 34 Surah Al-Nisa' ini diturunkan berikutan kejadian yang berlaku antara Sa'ad bin Rabi' dan isterinya Habibah binti Zaid. Kedua-duanya adalah orang Ansar. Habibah telah nusyuz dan Sa'ad telah memukulnya. Habibah dan bapanya kemudian pergi berjumpa Rasulullah s.a.w. dan mengadu hal. Bapa Habiabah berkata: Aku serahkan anakku kepadanya tetapi dia telah memukulnya.”<sup>36</sup>

Sabda Rasulullah s.a.w. maksudnya: “Qisaslah suaminya.” Mereka pun pergi untuk menuntut qisas. Tiba-tiba Rasulullah s.a.w. bersabda pula: “Pulanglah, sesungguhnya Jibril telah datang kepadaku dan Allah menurunkan ayat 34 Surah al-Nisa' ( ... الرَّجَالُ قَوَّامُونَ ).” Sabda Rasulullah s.a.w. lagi maksudnya: “Kita menghendaki satu perkara. Allah pula menghendaki satu perkara lain, dan apa yang dikehendaki oleh Allah itu adalah lebih baik”. Maka terangkatlah hukuman qisas ke atas suami yang memukul isteri kerana nusyuz.<sup>37</sup>

Berdasarkan ayat ini, Allah menyusun tindakan yang patut dilakukan oleh suami sebagai pentadbir rumahtangga ketika menghadapi isteri yang melakukan nusyuz. Langkah pertama ialah dengan cara nasihat, kedua, meninggalkan tempat tidur dan terakhir sekali ialah pukul.

Nasihat adalah sebaik-baik cara. Ia perlu dilakukan dengan lemah lembut dengan menyatakan apakah kesalahan yang dilakukan dan bagaimana cara

<sup>36</sup> Rasyid Riḍā (1984), op.cit., j.5, h. 74. Juga: Al-Sābūnī (1972), op.cit., h. 466.

mengatasinya. Suami perlu mengingatkan isteri tentang tanggungjawabnya dan peranan bersama untuk menjaga keharmonian rumahtangga. Al-Bardisi menyebutkan peringatan hendaklah diberi dengan cara baik<sup>38</sup>. Al-Khatib pula menjelaskan cara yang baik ini dengan memberi contoh di dalam kitabnya *Al-Iqna'* yang bermaksud:

*“Seperti suami berkata kepada isteri takutlah kepada Allah tentang hak yang wajib engkau laksanakan dan ingatlah akibat dan balasan yang bakal terjadi. Tanpa meninggalkan tempat tidur dan memukul. Terangkan juga kepada isteri bahawa nusyuz boleh menggugurkan hak nafkah dan giliran, mudah-mudahan isteri sedar dan bertaubat atas kesilapannya.”*<sup>39</sup>

Jika selepas diberi nasihat, isteri menyedari kesilapannya, meminta maaf dan mengubah sikapnya, maka suami hendaklah memaafkannya.

Tetapi jika nasihat dan penerangan yang dibuat dengan baik tidak menampakkan reaksi positif, malah isteri menentang dengan kasar dan tidak mengubah perangainya, maka suami boleh menggunakan langkah kedua iaitu meninggalkan tempat tidur.

Ahli tafsir tidak sependapat tentang maksud “tinggalkannya di tempat tidur”. Muhammad Mahmud Hijazi<sup>40</sup> dalam *Tafsir al-Wādiḥ* berpendapat meninggalkannya ditempat tidur ialah tidak tidur bersama-sama isteri atau tidur

---

<sup>37</sup> Ibid.

<sup>38</sup> Muhammad al-Bardīsī (1970), *al-Aḥwāl al-Syakhsiyyah*. Kaerah: Ma'hd al-Dirāsāt al-Islamiyyah, h. 105.

<sup>39</sup> Al-Khatīb (t.t.), op.cit., h. 143-144.

<sup>40</sup> Muhammad Mahmud Hijāzī (1980), *Tafsīr al-Wādiḥ*, j.3, c.10. Kaerah: Dār al-Tafsīr li al-Ṭab'ī wa al-Nasyri, h. 13. Lihat juga: Al-Khatīb (t.t.), op.cit., h.144.

berasingan. Sayyid Qutb<sup>41</sup> pula mentafsirkan bahawa maksud meninggalkan tempat tidur ialah tidak menyetubuhi isteri.

Manakala al-Sābuni<sup>42</sup> pula berpendapat meninggalkannya ditempat tidur bererti tidak bercakap dan tidak mendekati isteri. Walau bagaimanapun al-Khatib<sup>43</sup> menolak pandangan ini berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w. yang melarang seseorang muslim tidak bercakap dengan saudaranya lebih daripada tiga hari<sup>44</sup> yang pada pendapatnya termasuklah isteri. Tetapi, suami diingatkan bahawa maksud meninggalkan di tempat tidur bukanlah keluar meninggalkan rumah kerana ia akan lebih memburukkan keadaan<sup>45</sup>.

Tempoh yang dibenarkan oleh syarak untuk suami meninggalkan tempat tidur ialah 30 hari berdasarkan apa yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. terhadap isterinya Safiyyah yang membocorkan rahsia rumahtangganya kepada 'Aisyah. Sekiranya suami yakin dengan melanjutkan tempoh meninggalkan

---

<sup>41</sup> Sayyid Qutb (1971), *Fī Zilāl al-Qurān*, j.4. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 360.

<sup>42</sup> Muhammad 'Ali al-Sābūnī (1972), *Tafsīr Āyāt Ahkām Min al-Qurān*, j.1. Makkah: Dār al-Qurān al-Karīm, h. 474.

<sup>43</sup> Al-Khatīb (t.t.), op.cit., h. 144.

<sup>44</sup> Lihat hadis nombor 6480 dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* Jilid ke 8 (Al-Imām Maḥyuddin al-Nawawī (1998). Beirut: Dār al-Ma'rifah, h.334) yang bermaksud: "tidak halal bagi seseorang muslim meninggalkan percakapan dengan saudaranya lebih daripada tiga hari." Juga: Hadis nombor 4914 dalam *Sunan Abi Daud*, Jilid 4 (Abū Dāwūd Sulaymān al-Asy'ath (1988). Kaherah: Dār al-Hadīth h. 280) yang bermaksud: "Sesiapa yang tidak bercakap dengan saudaranya lebih dari tiga hari kemudian dia meninggal dunia, dia akan masuk neraka."

<sup>45</sup> Muhammad 'Uqlah (1990), op.cit., h. 94.

tempat tidur ini akan mengubah sikap isteri, beliau boleh berbuat demikian, tetapi untuk tempoh tidak melebihi 4 bulan<sup>46</sup>.

Jika selepas tindakan meninggalkan tempat tidur, isteri telah berubah dan kembali taat maka suami hendaklah memberhentikan tindakannya dan memaafkan isteri. Walau bagaimanapun, jika tindakan meninggalkan tempat tidur tidak juga berkesan, suami dibenarkan memukul isteri (*waḍribuhunna*).

Apakah yang dimaksudkan sebenarnya dengan perkataan *ḍaraba* di dalam ayat ini? Dari segi bahasa, di dalam *Lisān al-'Arab*, terdapat banyak makna perkataan *ḍaraba*. Antaranya *ḍaraba* bermaksud pukul, bergerak atau berjalan, potong, pegang dan darab dalam istilah matematik. Dalam *Tafsīr Ibnu Kathīr*, perkataan *ḍaraba* di sini diterjemahkan sebagai pukul<sup>47</sup>.

Tentang sifat pukulan pula, fuqaha' sependapat bahawa pukulan tidak boleh dilakukan sesuka hati dan hendaklah pada kadar yang tidak menyakitkan<sup>48</sup>. Walau bagaimanapun mereka mengemukakan berbagai-bagai pendapat mengenai maksud tidak menyakitkan itu.

---

<sup>46</sup> Muhammad al-Bardī (1970), op.cit., h. 105. Lihat juga: Abu Hassan Din al-Hafiz (1989), *Krisis Rumahtangga, Sebab-Sebab dan Cara Mengatasinya* dalam *Perkahwinan dan Kekeluargaan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, h.100.

<sup>47</sup> Ibnu Manzur (t.t.) *Lisān al-'Arab*, j.4. Beirut: Dā'ir al-Ṣādir, h. 35-41.

<sup>48</sup> Al-Sābūnī (1972), op.cit., h.469, Rasyid Riḍā (1984), op.cit., j.5. h. 74, al-Khatīb (t.t.), op.cit., j.2. h.144, Ibnu Kathīr(1969), op.cit., h. 278 dan 'Uqlah (1990), op.cit., h.94.

Pada pandangan Ibnu ‘Abbas dan ‘Ata’, maksud tidak menyakitkan ialah pukulan ringan yang tidak mendatangkan kesakitan sepertiukul dengan kayu sugi atau berus gigi atau sapu tangan<sup>49</sup>.

Ulama’ melarang memukul di bahagian muka kerana muka merupakan tempat kecantikan wanita. Mereka juga tidak membenarkan memukul menggunakan tongkat dan rotan serta tidak boleh memukul di tempat yang sama berulang kali<sup>50</sup>. Terdapat juga pendapat yang mensyaratkan pukulan agar tidak mencederakan anggota badan dan tidak meninggalkan apa-apa kesan fizikal<sup>51</sup>.

Persoalan timbul adakah kebenaran memukul dalam ayat ini bermakna Islam telah menyentuh kemuliaan wanita? Perkataan *daraba* dalam ayat 34 Surah al-Nisa’ ini seringkali disalahtafsirkan oleh sesetengah golongan yang menampakkan Islam sebagai agama yang mengamalkan diskriminasi jantina dan zalim terhadap kaum wanita.

Al-Sābūnī menjelaskan bahawa perkara ini (memukul) adalah merupakan satu bentuk rawatan yang hanya dilakukan jika keadaan memerlukan. Apabila seorang isteri berkelakuan buruk terhadap suaminya, naik kepala dan berperangai seperti dirasuk syaitan, maka apa yang seorang suami perlu lakukan pada ketika itu? Adakah, mengabaikannya, membiarkannya melakukan apa yang disukai atau terus menceraikannya? Al Quran menunjukkan jalan hikmah untuk mengatasi

---

<sup>49</sup> Al-Sābūnī (1972), op.cit., h. 469.

<sup>50</sup> Ibid.

<sup>51</sup> Ibnu Kathīr (1969), op.cit., h. 278.

kekeruhan masalah rumahtangga ini dengan menyarankan cara nasihat, menjauhkan diri dari tempat tidur dan akhir sekali memukul<sup>52</sup>.

Sayyid Rasyid Rida juga membuat ulasan bahawa kebenaran memukul isteri bukan merupakan perkara yang tidak masuk akal dan ia perlu kepada takwil. Ia diharuskan jika suami mendapati isteri yang nusyuz boleh berubah bergantung kepada pukulan. Jika isteri telah menerima nasihat dan mengubah perangai, pukulan wajib dielakkan. Walaupun begitu, pada umumnya Sayyid Rasyid Rida menyarankan supaya berlembut dengan wanita dalam semua hal<sup>53</sup>.

Namun begitu, walaupun memukul isteri diharuskan, fuqaha<sup>54</sup> sependapat bahawa tidak melakukannya adalah lebih baik berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.:

لَا تَضْرِبُوا إِمَاءَ اللَّهِ

Yang bermaksud:

“Dan janganlah sekali-kali seorang lelaki memukul isterinya.”<sup>55</sup>

Sekiranya suami menyalahgunakan haknya dalam langkah-langkah mendidik isteri seperti yang disarankan, isteri boleh membawa perkara tersebut kepada Kadhi. Lebih jauh daripada itu lagi, isteri boleh memohon cerai kerana

<sup>52</sup> Al-Sābūnī (1972), op.cit., h. 474.

<sup>53</sup> Muhammad Rasyid Riḍā (1984), op.cit., j.5. h. 74.

<sup>54</sup> Al-Sābūnī (1972), op.cit., h. 474. Juga: al-Khatīb (t.t.), op.cit., j.2. h.144.

<sup>55</sup> Abū Dāwūd Sulaymān Ibn al-Asy'ath (1988), *Sunan Abī Dāwūd*, j.2. Kaherah: Dār al-Hadīth. Kitab al-Nikāh, no. hadith 2146.

*darar* jika suami melampaui batas dalam melaksanakan hak mendidik yang dibenarkan kepadanya<sup>56</sup>.

Dengan ini jelas bahawa walaupun ayat 34 memberikan kebenaran kepada suami memukul isteri, ia adalah peringkat terakhir setelah nasihat dan meninggalkan tempat tidur tidak diendahkan. Tambahan lagi ia hanya dibenarkan dengan syarat-syarat yang ketat dengan tujuan mendidik isteri dan boleh diambil tindakan jika suami melampaui batas dalam melaksanakannya. Kesimpulannya kebenaran pukul ini bukanlah mutlak dan boleh dilakukan sesuka hati.

### **2.3 Penganiayaan Isteri Menurut Undang-Undang Jenayah Islam**

Secara khusus, tidak ada peruntukan tentang menganiyai isteri dalam undang-undang jenayah Islam. Namun terdapat peruntukan mengenai kesalahan mencederakan yang boleh dihukum dengan qisas dan diyat. Prinsip umum jenayah memukul dan mencederakan boleh dikiasakan juga termasuk untuk memukul dan mencederakan isteri. Cuma terdapat sedikit kelainan pendapat sama ada wanita boleh membuat tuntutan dan pendakwaan sendiri atau oleh walinya jika menjadi mangsa penganiayaan.

Dari segi definisi, jenayah memukul dan mencederakan bermaksud perbuatan jahat yang dilakukan oleh seorang ke atas seorang lain yang tidak

---

<sup>56</sup> Muhammad al-Bardisi (1970), *op.cit.*, h. 150.

membawa kepada kematian<sup>57</sup>. Dr Paizah menjelaskan maksud definisi tadi adalah termasuk segala bentuk pencerobohan dan keganasan seperti memukul, melukakan, menarik, menekan, memotong, mencabut dan lain-lain<sup>58</sup>. Oleh itu, secara zahirnya, perbuatan menganiayai isteri juga termasuk dalam definisi memukul dan mencederakan.

Dalam perbincangan undang-undang jenayah Islam juga, jenayah memukul dan mencederakan ini terbahagai kepada dua bahagian iaitu sama ada dilakukan dengan sengaja atau dengan tidak sengaja. Terdapat pula dua unsur dalam perbuatan memukul dan mencederakan secara sengaja dan tidak sengaja.

Dua unsur yang perlu ada bagi jenayah memukul secara sengaja ialah pertama, perbuatan itu sendiri, dan kedua, ia dilakukan dengan sengaja. Manakala bagi jenayah memukul dan mencederakan secara tidak sengaja juga perlu mengandungi dua unsur iaitu adanya perbuatan itu dan ianya dilakukan dengan tidak sengaja atau dengan maksud lain, tanpa niat mencederakan.

Bagi jenayah memukul dan mencederakan secara sengaja, hukuman asal yang disepakati para fuqaha' ialah qisas. Hukuman qisas akan diganti dengan diyat atau ta'zir jika qisas tidak dapat dilaksanakan kerana halangan-halangan

---

<sup>57</sup> Abdul Qadir 'Audah (t.t.), *al-Tasyrī' al-Jinā'ī al-Islāmi: Muqāran bi al-Qānūn al-Waḍ'ī*, j.2. Kaerah: Dār al-Turāth, h. 204.

<sup>58</sup> Paizah Hj. Ismail (1996), *Undang-Undang Jenayah Islam*, c.2. Kuala Lumpur: ABIM, h. 151.

tertentu<sup>59</sup>. Manakala bagi perbuatan memukul dan mencederakan secara tidak sengaja; hukuman asalnya ialah diyat<sup>60</sup>.

Penganiayaan isteri, atau lebih jelas jika digunakan istilah kesalahan mencederakan isteri (mengikut istilah undang-undang jenayah) adalah kesalahan jenayah yang boleh didakwa. Ia termasuk dalam kategori kesalahan qisas dan diyat, sama ada yang menyebabkan kematian dan yang tidak menyebabkan kematian. Bagi kes penganiayaan isteri di bawah kesalahan qisas dan diyat yang tidak menyebabkan kematian, para fuqaha' sependapat bahawa wanita atau isteri yang dicerederakan boleh membuat pendakwaan dan tuntutan<sup>61</sup>.

Antara dalil yang menjadi sandaran pendapat fuqaha' ini ialah firman Allah:

فَمَنْ أَعْتَدَىٰ عَلَيْكُمْ فَأَعْتَدُوا عَلَيْهِ بِمِثْلِ مَا أَعْتَدَىٰ عَلَيْكُمْ

Terjemahan: "Oleh itu, sesiapa yang melakukan pencerobohan terhadap kamu maka balaslah pencerobohannya itu dengan pencerobohan yang dilakukannya terhadap kamu..."

Surah al-Baqarah (2): 194

<sup>59</sup> Abū Bakr Ibnu Mas'ūd al-Kasānī (1974), *Badāi' al-Ṣanāi' fī Tartīb al-Syarāi'*, j.7. Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabi, h. 234.

<sup>60</sup> *ibid.* j.9, h. 277.

<sup>61</sup> Muhammad Abu Zahrah (t.t.), *al-'Uqūbah: al-Jarīmah wa al-'Uqūbah fī al-Fiqh al-Islāmī*. Beirut: Dār al-Fikr al-'Arabi, h. 569. 'Abd al-'Atwah (1985), *Mudārāt fī Nizām al-Qadā'*. Kaherah: Jāmi'ah al-Azhar, h. 12-13. Juga: Aḥmad Muwāfi (1960), *Min al-Fiqh al-Jinā'i al-Muqaran Bayna al-Syarā'ih wa al-Qānīn*. Kaherah: al-Majlis al-'Alī li al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, h. 63-64.

Mereka juga merujuk hadis yang menceritakan bahawa al-Rabi' emak saudara nabi mencederakan Thaniyyah kemudian meminta maaf kepada keluarganya tetapi mereka menolak. Kemudian dia mengemukakan ganti rugi, juga ditolak oleh mereka kerana mereka inginkan qisas. Maka Rasulullah s.a.w. memerintahkan supaya dilakukan qisas.<sup>62</sup>

Sehubungan hal ini, Muhammad Abu Zahrah<sup>63</sup> menyatakan bahawa orang yang berhak membuat tuntutan qisas bagi kecederaan anggota badan ialah mangsa sendiri, kerana dialah yang diceroboh. Maka dia adalah wali untuk dirinya sendiri.

Seterusnya Abu Zahrah menghuraikan, dalam keadaan mangsa sendiri tidak boleh menjadi wali untuk dirinya sendiri kerana gila, bodoh atau belum cukup umur, maka walinya akan mewakilinya dalam urusan membuat tuntutan. Walinya akan dipersalahkan jika cuai daripada membuat tuntutan tersebut. Sekiranya tuntutan qisas tersebut bertukar kepada bayaran diyat atas sebab-sebab tertentu, maka tuntutan berkenaan perlu dilakukan oleh wali dan bayarannya diserahkan kepada penjaga amanah harta si mangsa<sup>64</sup>.

'Abdul Qadir 'Audah<sup>65</sup> turut mempunyai pendapat yang sama di mana beliau menegaskan bahawa orang yang berhak menuntut qisas dalam kes-kes

---

<sup>62</sup> Rujuk hadith no. 4757 Bab al-Qiṣāṣ dalam *Sunan al-Nasa'i*, j.8 oleh Ahmad bin Syu'aib Abu Abd al-Rahmān al-Nasa'i (1986), h.27.

<sup>63</sup> Muhammad Abū Zahrah (t.t.), op.cit. h.569.

<sup>64</sup> ibid. .

<sup>65</sup> 'Abd al-'Atwah (1985), op.cit., h. 12-13.

kecederaan ialah orang yang cedera itu sendiri dan bukannya orang lain. Dia berhak melaksanakan qisas sekiranya dia seorang yang baligh dan berakal.

Pendapat-pemdadapat ini membawa maksud bahawa dalam undang-undang jenayah Islam terdapat peruntukan di mana isteri boleh mendakwa dan menuntut qiss jika dianiaya suami dan suami pula boleh dikenakan hukuman qisas jika sabit kesalahannya mencederakan isteri.

Manakala dalam penganiayaan di bawah kes qisas dan diyat yang menyebabkan kematian, fuqaha' berbeza pendapat tentang sama ada wanita berhak membuat pendakwaan dan tuntutan sendiri atai ia menjadi tanggungjawab walinya<sup>66</sup>.

Secara keseluruhannya fuqaha' berpendapat hak pendakwaan dan tuntutan dalam kes begini berada di tangan *awliya' al-dam* atau ahli keluarga wanita berkenaan. Mereka bersandarkan pendapat kepada firman Allah dalam Surah al-Isra' ayat 33:

وَمَنْ قُتِلَ مَظْلُومًا فَقَدْ جَعَلْنَا لَوْلِيَّهِ سُلْطٰنًا فَلَا يَسْرِفُ  
فِي الْقَتْلِ إِنَّهُ كَانَ مَنْصُورًا

Terjemahan: "dan sesiapa yang dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah menjadikan warisannya berkuasa menuntut balas. Dalam pada itu, janganlah ia melampau-lampau dalam menuntut balas bunuh itu kerana sesungguhnya

<sup>66</sup> Paizah Haji Ismail (1995), *Status Wanita Dalam Undang-Undang Jenayah Islam*. Thesis Ph.D. Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 399.

ia adalah mendapat sepenuh-penuh pertolongan (menurut Hukum Syara’).”

Walaupun begitu, paling utama sekali, tuntutan dan pendakwaan tetap boleh dibuat dan matlamat menghukum pesalah boleh di capai serta mangsa penganiayaan mendapat haknya.

## **Kesimpulan**

Islam menganjurkan isteri dilayan dengan baik dan amat menentang sebarang bentuk penganiayaan terhadap mereka. Orang lelaki pula diamanahkan oleh Allah supaya menjadi pelindung dan pengawal kepada isteri-isteri mereka atau wanita lain. Maka, jika seorang suami menganiaya isterinya, dia telah tidak menunaikan amanah yang diberikan kepadanya dan boleh dianggap melanggar perintah Allah.

Walaupun di dalam keadaan tertentu, Islam memberi kebenaran isteri dipukul, ia hendaklah dilakukan dengan syarat-syarat yang ketat serta orang yang menyalahgunakannya boleh didakwa. Pukul yang dimaksudkan pula bukanlah pukul yang biasa difahami hingga mendatangkan kesan secara fizikal. Kesan yang diutamakan ialah kesan di hati agar isteri sedar kesilapannya dan berubah sikap, bukannya kesan kepada fizikal.

Dalam undang-undang jenayah Islam pula, tidak ada klasifikasi khusus tentang peruntukan perlindungan dan hukuman bagi kes-kes penganiayaan isteri. Walaupun disebut secara umum sahaja tentang jenayah memukul dan

mencederakan serta hukumannya, namun ia juga adalah termasuk memukul dan mencederakan dalam kes-kes penganiayaan isteri.

Maksudnya, undang-undang jenayah Islam juga mengiktiraf pembelaan kepada isteri teraniaya dengan memberi ruang kepada mereka untuk membuat pendakwaan dan tuntutan bagi kes-kes penganiayaan.